

# **KWSP, EKUINAS anjur Forum Ekuiti Persendirian**

**Kumpulan** Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS) bekerjasama menganjurkan Forum Ekuiti Persendirian Malaysia bagi mempromosi Ekuiti Persendirian (PE) sebagai kelas aset pelaburan menarik bagi pelabur Malaysia.

Forum dua hari bermula 9 September ini turut diadakan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat pelabur tempatan mengenai potensi nilai transformasi pelaburan ekuiti persendirian, selain mengetengahkan firma PE sedia ada dengan matlamat memperluaskan serta membangun sektor PE dalam negara.

Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Datuk Shahril Ridza Ridzuan, berkata pihaknya berbesar hati menganjurkan forum berkenaan dengan kerjasama EKUINAS berikutan kejayaan Persidangan Ekuiti Persendirian Global KWSP pada tahun lalu.

“Forum berkenaan akan menekankan kelebihan PE sebagai kelas aset pelaburan alternatif kepada institusi pelaburan Malaysia.

“Secara berperingkat, kami berharap usaha ini akan meningkatkan aliran pelaburan domestik ke dalam ekuiti persendirian yang masih agak kecil dan membantu mengembangkan sektor pelaburan yang kini sedang pesat berkembang,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Forum yang diadakan di Kuala Lumpur itu bertemakan ‘Ekuiti Persendirian sebagai Pemangkin Pertumbuhan di Malaysia’.